

Bengalee sanggup berkorban asalkan anak dapat ke sekolah

B14 17/5/2011 MS 24.

Semua generasi kedua berhijrah ke Malaysia masuk universiti

Siri ketiga

HIDUP mereka di negara asal di-lingkari pendidikan tinggi, malah kebanyakan masyarakat itu mendapat peluang pendidikan sempurna sebelum berhijrah ke negara lain untuk berkhidmat dalam sektor perkhidmatan sebagai profesional. Namun, kekangan dan peluang yang terhad untuk memastikan pendidikan terus menjadi keutamaan merunsingkan orang Bengalee yang berhijrah ke Tanah Melayu pada awal 1900.

Orang Bengalee yang datang ke negara ini ketika itu ialah daripada golongan berpendidikan tinggi. Mereka lahir dalam keluarga yang cintakan pendidikan, namun kerana dibawa masuk dan ditugaskan untuk menguruskan soal pentadbiran di estet, jauh daripada kemudahan sekolah menjadikan peluang menyekolahkan anak begitu terhad.

Pengorbanan sentiasa diperlukan bagi merealisasikan sesuatu dan itulah yang dilakukan orang Bengalee generasi pertama dalam memastikan anak mereka mendapat pendidikan sempurna dan mampu terus mengekalkan imej mereka sebagai masyarakat berpendidikan tinggi.

Jika mereka kekal di estet, akan mundurlah anak mereka dalam pendidikan. Justeru, hanya lelaki terus tinggal di



Misteri Etnik

**Azrul Affendy
Sobry**

azr@bharian.com.my

ya juga tidak sempurna. Ayah saya ketika itu terpaksa mengayuh basikal sejauh lebih lima batu setiap hari dari rumah ke estet. Ketika itu pelbagai halangan menanti, termasuk kemungkinan diserang binatang buas.

"Apatah lagi sistem pendidikan, pastilah lebih teruk dan sukar diperoleh di sekitar kawasan estet. Universiti pun tidak ada. Sekolah pun terhad. Berbeza sekali dengan India ketika itu yang sudah jauh maju dalam bidang pendidikan. Namun, kerana peluang pekerjaan yang lebih terbuka di sini, kami memilih untuk berkorban dalam banyak hal.

"Ayah saya bekerja di Bahau. Di situ tidak ada sekolah. Tidak ada pilihan lain, ibu dan kami sekeluarga terpaksa tinggal di Seremban dan menjadikan keluarga Bengalee lebih besar di Seremban. Ketika itu, ramai yang memasuki sekolah seperti St Paul Institution, King George V dan Anglo Chinese School," katanya.

Bagi kanak-kanak perempuan pula, Convent Seremban adalah pilihan utama



estet untuk menunaikan tanggungjawab bekerja sementara kaum ibu pula menyemami anak di bandar, kebanyakannya di Seremban dan menyewa di rumah sekitar kawasan itu.

Hanya itu cara terbaik untuk memastikan anak mereka mendapat pendidikan sempurna kerana di bandar lebih banyak peluang tersedia. Oleh itu, ramai yang mempunyai rumah di sekitar Seremban.

Perunding Pendidikan, Dr S R Sen Gupta, 70, generasi kedua Bengalee, berkata kebanyakan masyarakat Bengalee yang datang ke negara ini pada ketika itu melakukan pengorbanan yang besar dalam hidup dan masa depan mereka kerana Tanah Melayu bukan sebuah negara yang dibangunkan secara sempurna, terutama dalam bidang pendidikan.

“Semuanya tidak lengkap ketika itu. Kemudahan pengangkutan dan jalan ra-

mereka disebabkan situasi itu, bapa hanya berpeluang bertemu keluarga seminggu sekali, iaitu dengan datang ke Seremban pada setiap Sabtu dan perlu pulang pada lewat petang Ahad untuk bekerja keesokan harinya.


Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan hubungan anak dengan ibu lebih kuat ketika itu dan fokus dalam mendidik anak juga dilaksanakan secara menyeluruh oleh ibu, sedangkan bapa pula berperanan untuk mencari pendapatan. Namun, tidak boleh diketepikan kualiti pendidikan kaum ibu kerana kebanyakan ibu yang sepenuh masa menjadi suri rumah mempunyai sarjana muda.

Cuti sekolah bagi masyarakat Bengalee ketika itu dihabiskan di estet bagi memberi peluang kepada anak bertemu bapa dalam tempoh lebih lama. Justeru, tidak menghairankan kehidupan orang Benga-



Tidak ada pilihan lain, ibu dan kami sekeluarga terpaksa tinggal di Seremban dan menjadikan keluarga Bengalee lebih besar di Seremban. Ketika itu, ramai yang memasuki sekolah seperti St Paul Institution, King George V dan Anglo Chinese School

Dr S R Sen Gupta
Perunding Pendidikan



Rabindranath Tagore

Karya Tagore beri impak bes

RABINDRANATH Tagore adalah seorang tokoh Bengalee yang bukan saja membawa kesan besar terhadap tamadun budaya hidup masyarakat itu di India, tetapi turut mempengaruhi semua orang Bengalee di negara ini yang mengangkat beliau sebagai karyawan teragung dalam sejarah India.

Tagore yang turut dikenali sebagai Gurudev adalah seorang penyair, penulis drama, ahli falsafah, seniman, pemuzik dan sasterawan dengan darah jati Bengalee. Beliau lahir pada 7 Mei 1861 dalam sebuah keluarga Brahmana Bengalee, iaitu Brahmana yang tinggal di Kolkata. Tagore juga adalah orang Asia pertama yang mendapat Hadiah Nobel dalam Kesusasteraan pada 1913.

Meskipun Tagore bukanlah Bengalee yang tinggal di negara ini, tetapi selepas kunjungannya ke s... awal 1930-an, memberi impak besar kerana sehingga kini, seni karyanya terus menjadi seni budaya rasmi masyarakat itu di Malaysia. Malah, saban tahun diadakan majlis khas untuk meraikan hari kelahirannya, dan terbaru pada 7 Mei lalu, satu sambutan khas diadakan di Petaling Jaya.

Majlis gilang-gemilang itu dihadiri hampir semua lapisan generasi Bengalee bagi menyaksikan pelbagai persembahan yang diambil daripada hasil nukilan puisi dan skrip ciptaan Tagore. Kehebatan hasil seni lelaki ini tidak boleh dipertikaikan kerana antara karyanya kini digunakan sebagai lagu rasmi India



KANAK-KANAK Bengalee menerima pendidikan bahasa Bengali secara tidak formal di rumah.

lee dalam dua dunia berbeza iaitu kampung dan bandar, sekali gus menyebabkan mereka mudah berada di mana saja sehingga kini.

“Paling membanggakan dan ia adalah fakta, semua generasi kedua masyarakat Bengalee masuk universiti. Tidak ada seorangpun yang belajar separuh jalan. Semua itu dicapai, walaupun kami berdepan kesukaran mendapat pendidikan di sini. Ramai juga menyambung pelajaran di universiti luar negara.

“Ketika itu hanya ada Universiti Malaya. Tempat pun terhad. Oleh itu ramai

kaya di India selain pernah melahirkan seorang tokoh terkenal seantero dunia, Rabindranath Tagore, pemenang anugerah Nobel atas kerja seninya bertajuk Gitanjali.

“Bengal melahirkan ramai tenaga profesional dalam pelbagai bidang, ramai saintis dan tidak boleh dilupakan ia juga lokasi kemunculan tokoh masyarakat dalam bidang politik dan ketua perjuangan seperti Swami Vivekananda. Mereka ini sudah terkenal di seluruh dunia. Malah, selepas 150 tahun kematian Tagore, seluruh dunia masih mengingatinya.



ANTARA buku bahasa Bengali karya Tagore untuk dipelajari di rumah.

ke luar negara. Menyedari peluang pendidikan yang begitu terhad di sinilah menyebabkan saya serta beberapa rakan lain berusaha mencari jalan menyediakan alternatif pendidikan tinggi di negara ini," katanya yang menjadi antara seorang pencetus kepada pembentukan kolej swasta dengan bersama menubuhkan Kolej Stamford, kolej swasta pertama di negara ini.

Sen Gupta berkata, kejayaan orang Bengalee di negara ini ada kaitannya dengan tanah dimiliki mereka kerana datang dari Bengal, iaitu sebuah negeri yang

"Realitinya kami bertuah kerana dianugerahkan latar belakang kehidupan terbaik di Benggala. India, United Kingdom dan Australia menjadi lokasi kami melanjutkan pelajaran.

"Keluarga Bengalee sebenarnya bukanlah kaya sangat, tetapi disebabkan kesedaran menghantar anak ke universiti, semua orang menabung dan memastikan cukup duit untuk tujuan itu. Berbeza dengan etnik lain, seratus peratus anak Bengalee berjaya. Mungkin juga kerana komuniti kami terlalu kecil," katanya.

Menunjukkan bahawa tingginya sema-

ngat orang Bengalee ketika itu untuk memastikan anak mendapat pelajaran sempurna, masyarakat itu pernah sepakat untuk membina pusat tumpangan untuk membolehkan semua anak berkumpul di dalam satu bangunan berhampiran Seremban, namun dirasakan tidak relevan kerana ramai ibu sanggup menjaga anak mereka sendiri.

Kini, selepas usaha keras mereka untuk memastikan pendidikan anak berjalan sempurna, hampir semua orang Bengalee mempunyai kerjaya yang di-

anggap berjaya seperti peguam dan doktor. Malah, mereka tidak henti-henti memastikan apa saja ruang pendidikan yang kurang diisi sepenuhnya.

Sebagai contoh, disebabkan tiada kelas khusus mempelajari bahasa Bengali, mereka terpaksa mencari alternatif membawa masuk buku bahasa itu yang menggunakan karya Tagore untuk dipelajari anak di rumah. Tiada kelas khusus tetapi setiap masa, ibu bapa akan mengajar anak sendiri bagi memastikan bahasa ibunda itu dikuasai sepenuhnya.

Sar pengaruhi kehidupan, budaya

dan Bangladesh.

Tagore mula menulis puisi sejak berusia lapan tahun, dengan memakai nama samaran 'Bhanushingho' (Singa Matahari) untuk penerbitan karya puisinya yang pertama pada 1877 dan menulis cerita pendek pertamanya pada usia 16 tahun. Tagore memiliki nama kecil 'Rabi', lahir di Jasanko Mansion, Kolkata adalah anak kepada Debendranath Tagore dan Sarada Devi, anak bongsu daripada empat belas adik-beradik.

Tagore bersama ayahnya meninggalkan Kolkata pada 14 Februari 1873 untuk melakukan perjalanan panjang di India selama beberapa bulan, mengunjungi Shantiniketan dan Amritsar sebelum ke Dalhousie, sebuah bukit di kaki Hima-

laya. Di sini, Tagore belajar sejarah, astronomi, ilmu pengetahuan moden dan bahasa Sanskrit serta mendalami karya sastra klasik.

Oleh kerana ingin menjadi seorang pengacara, Tagore mendaftar di sekolah umum di kota Brighton, England pada 1878, kemudian melanjutkan pelajarannya di Kolej Universiti London, tetapi pada 1880 beliau kembali ke Bengal tanpa ijazah, disebabkan ayahnya menjodohkannya dengan seorang gadis, Mrinalini Devi, yang kemudian dikahwini beliau pada 9 Disember 1883.

Antara 1878 hingga 1932, beliau mengunjungi lebih dari 30 negara di lima benua. Perjalanan ini sangat penting maksudnya dalam memperkenalkan kar-

yanya serta memaparkan idea politiknya kepada kalangan bukan Bengalee.

Pada 14 Julai 1927, Tagore bersama dua sahabatnya berangkat menuju Asia Tenggara selama empat bulan, mengunjungi Bali, Jawa, Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang, Siam dan Singapura. Catatan perjalanan ini terkumpul dalam karyanya yang berjudul 'Jatri' pada awal 1936.

Reputasi Tagore di dunia sastra sangat menonjol terutama pada karya puisinya, walaupun beliau juga menulis novel, esei, cerita pendek, catatan perjalanan, cerita drama dan mengubah ribuan lagu. Karyanya sering menjadi perhatian kerana irama yang unik, lirik yang mengandungi pujian kepada alam semesta serta bernada optimis.

Tagore juga seorang penggubah lagu dan pelukis yang berbakat yang berjaya mencipta serta menulis sekitar 2,230 lagu. Termasuk antaranya Rabindrasangit, yang mana kini sudah menjadi sebahagian dalam kebudayaan orang Bengalee.

Tagore menghembuskan nafas terakhirnya di Kolkata pada 7 Ogos 1941 dan terus menjadi tokoh budayawan orang Bengalee, termasuk di Malaysia. Hampir semua orang Bengalee tidak kira usia berbangga untuk menyatakan mereka mempunyai seorang tokoh seperti Tagore yang bukan sekadar mengembangkan budaya, tetapi cara hidup dan perwatakan masyarakat itu sendiri.